

Pertandingan Poster Kreatif Dakwah Digital KDB 2016

Inisiatif bersama MCMC, Jakim

Oleh MOHD. AZRAE MD. YUSOF
perangai@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 24 DIS.

MENYEDARI terdapat implikasi buruk di sebaliknya daripada penggunaan internet, Suruhannya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) pada Julai 2012 telah memperkenalkan program Klik Dengan Bijak (KDB) sebagai panduan penggunaan internet secara positif dan selamat.

Antara perkara yang ditekankan dalam KDB adalah seperti memupuk etika dan tatacara murni ketika menggunakan internet, mengelak daripada terjebak dengan penipuan, menegabah buli siber, memfifah dan sebagainya.

Melihat kepada mesej-mesej posif yang dibawa melalui KDB itu, MCMC merasakan ia boleh dijadikan sebagai dakwah jika disuntik dengan nilai-nilai Islam.

Justeru bagi memperkayakan lagi mesej-mesej itu de-

ngan unsur dakwah, MCMC telah mengambil inisiatif mengadakan kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menganjurkan Pertandingan Poster Kreatif Dakwah Digital KDB 2016 yang telah berlangsung selama tiga bulan bermula awal Septem-ber lalu.

Ketua Jabatan Pelaksanaan Jangkaan MCMC, K. Jusly Ellis merangkap pengerusi bersama jawatankuasa pertandingan itu berkata, pertandingan itu bertujuan mewujudkan platform dakwah digital yang kreatif dan mampu viral supaya dapat menghebahkan mesej-mesej program KDB dengan lebih pantas dan meluas.

Berbanding teks semata-mata, jelas beliau, poster yang mengandungi elemen-elemen seperti infografi, tipografi, fotografi dan lebih interaktif serta ta dapat menarik minat khususnya pengguna internet untuk menyelami

mesej-mesej yang hendak disampaikan.

Pertandingan itu juga, kata beliau, bertujuan memunculkan ke-mahiran dan literasi penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) selain memberi kesedaran tentang etika, tanggung-jawab dan penggunaan internet yang positif berlandaskan nilai-nilai Islam.

"Melalui pertandingan ini, kita juga mahu memperkasa dan menggalakkan penglibatan komuniti menggunakan teknologi dan internet sejajar dengan nilai-nilai Islam, seterusnya melahirkan komuniti yang mempunyai tahap literasi teknologi yang baik serta menyumbang secara positif serta aktif dalam persekitaran digital."

"Selain itu, kita mahu memperkatakan pelaksanaan advokasi ICT yang memberi kesan jangka panjang dan berterusan menerusi platform digital MCMC dan Jakim di samping mengaktifkan rangkaian media digital advokasi sebagai portal rujukan," katanya.

Sementara itu, Jakim melalui satu kenyataan berkata, pertandingan tersebut merupakan usaha hasama dalam menyokong Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) ke arah memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

"Seiring dengan ledakan kemajuan teknologi digital, pihak Jakim dan MCMC berharap kepada ini dapat mewujudkan kumpulan yang menyumbang kepada pembangunan sabbah dan jati diri masyarakat serta generasi masa hadapan," kata kenyataan itu.

Pertandingan Poster Kreatif Dakwah Digital KDB 2016 mendapat sambutan menggalakkan apabila menerima lebih daripada 2,000 penyertaan untuk enam tema yang dipertandingkan pada setiap dua minggu.

Terdapat tiga kategori dipertan-

dingan iaitu Umum, Sekolah, dan Komuniti Pusat Internet Malaysia (PIM).

Hanya tiga pemenang dipilih untuk setiap tema dengan tempat pertama bagi kategori umum menerima hadiah wang tunai RM500, tempat kedua RM300 dan tempat ketiga RM200.

Bagi kategori sekolah pula, tempat pertama menerima wang tunai RM300, tempat kedua RM200 dan tempat ketiga RM100.

Di peringkat akhir pertandingan, karya-karya yang dipilih memenangi setiap tema akan dipertandingkan sekali lagi untuk menentukan juara keseluruhan pula.

Bagi kategori umum dan sekolah, juara keseluruhan masing-masing akan menerima hadiah berupa wang tunai RM5,000 manakala juara keseluruhan bagi kategori PIM akan menerima wang tunai RM1,000.

Senarai pemenang akan diumumkan tidak lama lagi melalui laman web rasmi Pertandingan Poster Kreatif Dakwah Digital KDB 2016 di www.dakwahdigitalkdb.my

Pertandingan itu yang dinilai melalui kandungan, kreativiti, persembahan dan keunikan turut mendapat kerjasama daripada Grafik Malaysia, sebuah komuniti yang menghimpunkan pereka-reka grafik di Malaysia serta mempunyai jaringan luas dengan peminat-peminat seni reka grafik.

Menurut Jusly, poster-poster yang dihasilkan secara peserta akan disebarkan secara meluas menerusi platform digital MCMC, Jakim dan Grafik Malaysia.

Orang ramai juga, kata beliau, boleh memuat turun sendiri poster-poster itu daripada laman web rasmi pertandingan tersebut dan bertongsi dengan rakan-rakan melalui media sosial.

"Karya-karya yang dihasilkan peserta mendapat sambutan menggalakkan daripada pengguna internet, ini boleh dilihat melalui poster-poster yang dihasilkan itu dikongsikan di media-media sosial."

"Selain penyertaan dari Ma-

MUHAMMAD TAUFIQ ABU MAZIR memenangi tempat pertama Tema 2 dan tempat ketiga masing-masing untuk Tema 3, 4 dan 5.



paian nilai-nilai posifif kepada masyarakat melalui karya masing-masing," katanya.

Pemenang tempat pertama Tema 2, Muhammad Taufiq Abu Nazir, 20, pula melihat pertandingan itu sebagai peluang kepada mereka yang meminati reka grafik untuk menjadikan kemahiran tersebut sebagai alat untuk berdayakwah.

Pelajar Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) itu berkata, grafik antara alat terbaik dalam menyampaikan mesej kerana lebih interaktif dan mudah menarik perhatian khususnya pengguna internet.

"Pertandingan ini mendorong saya untuk menjadikan grafik sebagai medium untuk berdayakwah kerana saya sangat meminati reka grafik. Saya amat berharap agar pertandingan ini dapat diteruskan pada masa akan datang dan lebih banyak agensi mengadakan pertandingan seperti ini yang bukan sahaja dapat memunculkan bakat tetapi pada masa sama memberi peluang kepada orang ramai untuk berdayakwah," katanya yang juga memenangi tempat ketiga masing-masing untuk Tema 3, 4 dan 5.

"Ramai antara kita yang boleh mereka grafik atau poster, tetapi tidak ramai yang menghasilkan poster membawa mesej-mesej seperti ini. Pertandingan ini telah membuka ruang kepada mereka untuk melakukannya. Memangnya sewajarnya pereka-reka grafik di negara ini mewujudkan usaha menyam-



ABDULLAH AFIQ NASHIRON memenangi tempat pertama Tema 1 dan 4 Pertandingan Poster Kreatif Dakwah Digital KDB 2016.